



Tahun Ke  
**10**

*Laporan*  
**Korban  
Eidul Adha &  
Aqiqah  
Di Kemboja  
1424H**

Diuruskan oleh:

**AL-AMEEN SERVE HOLDINGS** SDA BHD

(3785331)

2-1, 1st Floor, Jalan 9 / 23A, Medan Makmur Off  
Jalan Usahawan, 53200 Setapak Kuala Lumpur.

Tel: 603 - 4143 4343 Faks: 603 - 4149 1414

No. Lesen: AJL 931362 Emel: [alameen@tm.net.my](mailto:alameen@tm.net.my)



Dengan kerjasama:

**YAYASAN PEMBANGUNAN UMAT ISLAM KEMBOJA**

No. 144, Street 146 on Mao Tse Tung Boulevard Group 8

Sangkak Toek Laak II, Khan Toul Kauk, Phnom Penh,

Cambodia. Tel: (855 11) 809 456 Faks: (855 23) 880 940

Emel: [zakaryya@cctnet.com.kh](mailto:zakaryya@cctnet.com.kh)



“Hai Tuhan Kami: Terimalah kiranya akan korban kami ini. Bahawasanya Engkau sungguh Amat Mendengar lagi Amat mengetahui”.

*Kitab Subulus Salam 4:121*

“Dengan Nama Allah, ya Allah ya Tuhan, bagi-Mu dan kepada-Mu aqiqah anak ini”.

“Program Korban Eidul Adha dan Aqiqah di Kemboja 1424H telah selamat disempurnakan. Pada tahun ini, 823 ekor lembu korban, 199 ekor lembu aqiqah, 12 ekor kambing korban, 144 ekor kambing aqiqah telah selamat disempurnakan di 371 kampung-kampung Islam di seluruh Kemboja”.

“Pihak Mufti Kerajaan Kemboja menetapkan minima seekor lembu bagi setiap 100 buah keluarga dalam sesuatu kampung. Sesuai dengan sunnah, daging lembu korban diagih-agihkan selepas majlis penyembelihan pada Hari Raya Korban bersamaan 1 Februari 2004. Daging ternakan aqiqah pula, dimanfaatkan untuk jamuan kahwin, jamuan murid-murid, jamuan di masjid serta jamuan besar untuk orang-orang kampung”.

Yang Benar,

**Haji Che Mazlan Saad**

*Pengerusi Program Korban Eidul Adha & Aqiqah di Kemboja 1424H*



“Mereka bertanya: apakah yang kita peroleh daripada Udhiah (korban) itu? Rasul menjawab : Pada setiap bulu haiwan itu kita memperoleh satu kebajikan”.

*Hadith Nabi.*



Sohibus Samahah Okhna  
**Haji Kamaruddin Yusof**  
Mufti Kerajaan Kemboja



*“Adalah saya dengan ini mengesahkan laporan program Korban Eidul Adha dan Aqiqah di Kemboja yang dihantar oleh pihak tuan pada Kedutaan Malaysia di Kemboja...Saya juga mengesahkan bahawa pelaksanaan Korban & Aqiqah telah memenuhi tuntutan syarak Agama Islam...Saya merakamkan rasa syukur dan terima kasih kepada semua peserta.”*

Surat Pengesahan Pelaksanaan  
Korban Eidul Adha & Aqiqah di  
Kemboja 1424H daripada Mufti  
Kemboja





Khutbah Hari Raya Korban 1424H  
Di Masjid Al-Makmur, Chrook Ramiet,  
Chhouk Sar, Kampung Tralach,  
Kg Chhnang, Kemboja.

Sohibus Samahah Okhna Haji Kamaruddin Yusof  
Mufti Kerajaan Kemboja Membaca Teks Khutbah  
Hari Raya Korban.

### Majlis Penyembelihan

“Maka solatlah kamu  
untuk tuhanmu dan  
menyembelihlah.”

*Maksud surah Al-Kautsar:2*

“Tidak ada suatu amalan yang  
paling dicintai oleh Allah dari  
bani Adam Ketika Hari Raya  
Eidul Adha selain menyembelih  
haiwan korban”.

*Maksud Hadith Nabi.*



Pengerusi Program menunaikan amanahnya.



Gembira dengan  
barakah Allah s.w.t.



Sesungguhnya haiwan itu akan datang  
pada hari kiamat sebagai saksi.



Sesungguhnya pahala sedekah  
itu sudah sampai kepada Allah  
sebelum sampai ke tangan  
orang yang menerima.

Bagi penyertaan program korban & Aqiqah yang diterima sebelum 25 Ramadhan 1424H/20 Nov 2003.

“Kamu sekali-kali tidak akan mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu menderma sebahagian apa yang kamu sayangi.”

*Maksud Al-Imran: 92*

## Jamuan Aqiqah

Ibadah Aqiqah telah disempurnakan bagi para peserta untuk sijil **A034 - A106** pada bulan Ramadhan 1424H ini:

Lembu Aqiqah : **43** ekor  
Kambing Aqiqah : **30** ekor  
Kambing Sedekah : **2** ekor

Jamuan Aqiqah dibuat sempena majlis berbuka puasa untuk orang-orang kampung.



## Jamuan Berbuka Puasa

Peruntukan daripada Al-Ameen Serve Holdings daripada yuran penyertaan Program Korban Eidul Adha dan Aqiqah yang diterima sebelum 25 Ramadhan 1424H: **RM 13,821.50**

Sumbangan para dermawan yang disalurkan melalui Al-Ameen Serve Holdings Sdn. Bhd.: **RM 9,117.00**



Hadiah daripada anak-anak Malaysia.



Kawah besar untuk jamuan berbuka



Bubur lambuk memang sedap.

“Katakanlah: berjalanlah kamu di muka bumi dan perhatikanlah”.

Al-Ankabut : 20



### 8 Jan 2004 Khamis

Ustaz Azhar Dato Abd. Shukor wakil tetap Al-Ameen bersama Mufti Kemboja mengagihkan ternakan Korban & Aqiqah untuk Battambang, Siem Reap, Bontey Mean Chey di Masjid Dhia Uddin Battambang.

### 9 Jan 2004 Jumaat

Rombongan Mufti dan Ustaz Azhar membuat agihan di Masjid untuk An Naim Imam-imam di Pursat

### 12 Jan 2004 Isnin

Rombongan Mufti & Ustaz Azhar tiba di Surau Ad-Dhiafah, Takeo. Rombongan membuat agihan bagi Wilayah Takeo.

### 13 Jan 2004 Selasa

08.00 Tiba di Masjid Nurul Ehsan, Kg Keh, Kampot. Agihan dibuat bagi wilayah Kampot dan Keb. 01:00 Tiba di Masjid Al-Aqsa, Kg O Chreau, Sinhanouk Ville dan mengagihkan ternakan Korban & Aqiqah bagi wilayah Sinhanouk Ville.

### 14 Jan 2004 Rabu

Rombongan tiba di Masjid Nurul Naim, Km 8, Phnom Penh, pengagihan meliputi Wilayah Phnom Penh, Kandall, Koh kong, Prey Veng, Mondul Kiri, Ratna Kiri, Swai Rieng, Kg Spea dan Kg Thom.



### 20 Jan 2004 Selasa

Rombongan tiba di Masjid Al-Mubarak, Pothi In, Kg Cham. Pengagihan bagi ternakan Korban & Aqiqah dibuat bagi wilayah Kg Cham.

### 22 Jan 2004 Khamis

Pengerusi Program Korban & Aqiqah Tuan Haji Che Mazlan Saad tiba di Phnom Penh.

### 23 Jan 2004 Jumaat

Rombongan Pengerusi Korban & Aqiqah beserta Mufti Kemboja tiba di Masjid Al-Makmur, Kg Chrok Ramiet, Kg Chhnang dan membuat pengagihan bagi wilayah Kg Chhnang.

### 24 Jan 2004 Sabtu

Tiba di Kg Jumnik, Krochmar, Kg Cham. Rombongan membuat pengagihan bagi ternakan Korban & Aqiqah bagi wilayah Kg Cham dan Kratie.

### 28 Jan 2004 Rabu

Tiba di Tbong Khmom, Kg Cham. Pengagihan ternakan dibuat meliputi Daerah Tbong Khmom, Wilayah Kg Cham.

### 29 Jan 2004 Khamis

Pengagihan ternakan Korban & Aqiqah dibuat di Kg Kerbau, Wilayah Kg Cham.



### 31 Jan 2004 Sabtu

Rombongan peserta dari Malaysia tiba di Phnom Penh

### 1 Feb 2004 Ahad (10 Zulhijjah 1424H)

Perasmian Program Korban & Aqiqah di Masjid Al-Makmur, Chrokr Ramiet, Chhouk Sar, Kampung Tralach, Kg Chhnang, Kemboja. Penjualan lembu-lembu korban seluruh Kemboja

### 2 Feb 2004

Jamuan aqiqah sempena perasmian Masjid di Kampot. Ceramah Perdana Mufti Kemboja.

### 3 Feb 2004

Jamuan aqiqah sempena perasmian Masjid di Kg Kerbau, Kg Cham dan perasmian korban berkelompok anjuran sekretariat Dunia Melayu Dunia Islam di Kg Thom

### 2 - 4 Feb 2004

Agihan dan penyembelihan ternakan untuk penyertaan yang lewat di kampung-kampung Islam yang berdekatan.

### 4 Februari 2004

Laporan kepada Kedutaan Malaysia di Kemboja.



# Aghian Ternakan Korban & Aqiqah

Tempat Pelaksanaan dan bilangan ternakan yang disempurnakan



# Ketentuan Mufti Kerajaan Kemboja Bagi Pelaksanaan Korban & Aqiqah



## Penerimaan Sijil Nama-Nama Peserta Korban & Aqiqah Serta Wang Bagi Pembelian Lembu atau Kambing

Tanggungjawab ini hanya akan diserahkan kepada imam-imam Masjid, Guru Agama dan wakil-wakil urusan yang dipilih oleh Mufti Kerajaan Kemboja.

## Syarat-Syarat Lembu Korban dan Aqiqah

Lembu untuk Ibadah Korban dan Aqiqah hendaklah berumur lebih 2 tahun, tidak sakit, tidak cacat, tidak kurus, tidak buta dan tidak bunting.

## Penjagaan Lembu

Lembu yang telah dibeli hendaklah disimpan di tempat yang selamat, diberi makan dan minum yang secukupnya, dijaga kesihatannya dan tidak digunakan untuk kerja-kerja.

## Nama Peserta Korban dan Aqiqah

Lebih baik nama-nama peserta Korban atau Aqiqah yang ada pada sijil-sijil yang telah diserahkan itu ditulis pada papan hitam semasa penyembelihan. Ambil gambar foto (jika boleh).

## Persiapan Lembu Korban dan Aqiqah

Lembu-lembu hendaklah dahulu dibersihkan dengan air sebelum dibawa ke tempat penyembelihan iaitu di kawasan Masjid atau Surau. Peralatan penyembelihan dan pelapahan disediakan dahulu dan dibawa bersama.

## Pengumuman Korban Dan Aqiqah

Pengumuman kepada semua penduduk kampung hendaklah dibuat berkenaan Ibadah Korban dan Aqiqah yang akan disempurnakan.

## Penyembelihan

Pisau yang tajam hendaklah digunakan dengan lembu Korban dan Aqiqah diikat dengan baik. Lembu dan penyembelih hendaklah menghadap Kiblat. Mulakan dengan Bismillah dan boleh juga diiringi dengan Salawat Nabi dan Doa. Niat penyembelihan ialah untuk peserta-peserta yang namanya ada pada sijil.

## Agihan Daging Korban

Daging lembu korban hendaklah diagih-agihkan dengan adil kepada penduduk kampung.

## Jamuan Aqiqah

Daging lembu Aqiqah hendaklah dimasak serta jamuan diadakan di masjid atau surau atau di tempat-tempat lain yang dipersetujui oleh Mufti atau Ketua Urus Setia.

## Sijil Pengesahan Pelaksanaan

Selepas ibadah Korban dan Aqiqah disempurnakan, Sijil Pelaksanaan Korban dan Aqiqah hendaklah dikembalikan kepada ketua Urus Setia dengan kadar yang segera.

# Ziarah Mufti Kerajaan Kemboja Ke Malaysia 19 Disember-1 Januari 2004



“Bersegeralah kamu kepada ampunan dari Tuhanmu dan ke syurga-Nya yang seluas langit dan bumi”.

*Maksud Al-Imran : 3*

Para peserta berpeluang berakad dengan Mufti Kerajaan Kemboja secara langsung untuk pelaksanaan ibadah Korban & Aqiqah di pejabat Al-Ameen.

Perbincangan dan kunjungan hormat Mufti Kerajaan Kemboja dan Pengerusi Program dengan Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) di Putrajaya.



YAB Datuk Seri Mohd Ali Mohd Rustam,  
Ketua Menteri Melaka meraikan ziarah hormat Mufti Kerajaan Kemboja ke Melaka.

## Rombongan Peserta Korban Eidul Adha & Aqiqah Dari Malaysia Dan Singapura



“Tidak akan sampai kepada Allah daging-dagingnya dan tidak pula darah-darahnya, tetapi yang sampai kepada Allah ialah ketakwaan daripada kamu”

*Maksud Al-Haj : 37*

Datin Noraini Md Saleh, ahli rombongan Kerajaan Negeri Melaka sedang mengagihkan daging korban daripada program Korban & Aqiqah berkelompok 15 ekor lembu untuk para peserta dari Negeri Melaka.



Penyerahan laporan program Korban & Aqiqah oleh Pengerusi Program kepada En.Salahuddin Bin Yusof, First Secretary Embassy Of Malaysia in Phnom Penh, Cambodia.



kunjungan hormat rombongan dari Malaysia.



Ustaz  
Haji Mohd  
Zakuan bin Haji  
Tak wakil Telekom  
Malaysia untuk  
program Korban &  
Aqiqah berkelompok  
42 ekor lembu.

Haji Mazlan Abdullah  
dari Singapura bersama  
dua orang anaknya  
sedang berjalan untuk  
bersembahyang Hari  
Raya Korban.





“Allah mengangkat orang-orang yang beriman daripada kamu dan orang-orang yang dikurniakan ilmu pengetahuan kepada darjat-darjat yang tinggi”

*Maksud Al-Mujaadalah: 11*

*Ceramah Perdana di Kampot*

### Ceramah

Sohibus Samahah Mufti Kerajaan Kemboja telah menyampaikan ceramah khusus berkenaan cara dan syarat sah pelaksanaan ibadah Korban & Aqiqah kepada imam-imam masjid. Ceramah umum disampaikan kepada penduduk kampung di setiap tempat dalam program ziarah untuk mengagih-agihkan ternakan korban dan aqiqah.

Ceramah perdana telah disampaikan sempena Majlis Perasmian Masjid di Kampot, Kg Kerbau dan Kohtom.

### Kursus Pelatihan

- 4 Feb 2004 : Asas bacaan Al-Quran untuk Imam-Imam Masjid & Bilal Kawasan Phnom Penh di kendalikan oleh Ust. Haji Mohd Iskandar MYA
- 5 Feb 2004 : Kursus Kaedah Cepat Membaca Al-Quran & Tajwid di kendalikan oleh Ust. Haji Mohd Iskandar MYA & Ust. Jalaluddin Hassanuddin.



*Kursus guru-guru di Phnom Penh*



**Pertemuan Dunia Melayu Dunia Islam**  
**13 Zulhijjah 1424H / 4 Feb 2004**  
**Dewan Mufti Phnom Penh Kemboja.**



**“Orang-orang mukmin Itu adalah bersaudara”**

Maksud Al-Hujuraat : 10

Sekreteriat Dunia Melayu Dunia Islam dengan kerjasama Yayasan Pembangunan Umat Islam di Kemboja dan Al-Ameen Serve Holdings Sdn Bhd telah menganjurkan pertemuan Dunia Melayu Dunia Islam di Phnom Penh, Kemboja sempena Program Korban Eidul Adha & Aqiqah di Kemboja.

*Gabenor Riau Indonesia sedang memberi kata-kata semangat kepada Umat Islam Kemboja.*



*Pemimpin Umat Islam dari Kemboja, Melaka, Riau, dan Singapura berkumpul di Tebing Sungai Ton Le Sap berdekatan Pejabat Mufti Kemboja.*



*Kamarudin Md Shah Pengarah Sekretariat Dunia Melayu Dunia Islam bersama Mufti Kemboja.*



*Gembira memberi & bersyukur menerima*



Musim kemarau berbulan-bulan, air paip tiada, hanya telaga untuk menyambung hidup. USD 100 untuk wakaf satu telaga.



Dermawan Brunei, Malaysia dan Singapura serta titik peluh Umat Islam Kemboja untuk membina pejabat dan dewan Ilmu Mufti Kemboja.



Sadaqah daripada peserta korban yang disampaikan oleh Mufti Kemboja.

***“Kamu sekali-kali tidak akan mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu menderma sebahagian apa yang kamu sayangi.”***

Maksud Al-Imran: 92

Peruntukan tahunan daripada Al-Ameen Serve Holdings Sdn Bhd telah dimasukkan ke dalam akaun Madrasah An-Nikmah Ath-Thanaawiyah, No Akaun : S/001/002540/7 Maybank Phnom Penh.

Lebih Bayaran yuran penyertaan Korban & Aqiqah para peserta juga telah dimasukkan ke dalam akaun Madrasah An-Nikmah di Kemboja.

Peruntukan daripada Al-Ameen Serve Holdings untuk program berbuka puasa dan sumbangan para dermawan yang disalurkan melalui Al-Ameen Serve Holdings untuk majlis berbuka puasa telah mendapat surat pengesahan daripada Mufti Kerajaan Kemboja.

Peruntukan untuk membina tiga buah telaga di Kampung O Smach, Kg Chhnang telahpun disalurkan secara langsung kepada pemimpin kampung oleh peserta Korban & Aqiqah 1424H semasa lawatan ke kampung tersebut.

Derma untuk membeli 1 tan beras untuk para pelajar Madrasah Tuan Haji Kechik Tbong Khmum telah disampaikan secara langsung oleh peserta Korban & Aqiqah kepada Mudir Madrasah tersebut.

Mufti Kerajaan Kemboja mengesahkan menerima sumbangan pendidikan, derma, sadaqah, zakat dan fidyah daripada Umat Islam Malaysia dan Singapura. Surat pengesahan penerimaan sumbangan telahpun di hantar kepada setiap penyumbang.

### **Untuk Sumbangan:**

**Nama Akaun : Mufti Of Cambodia**

**No. Akaun : 00001 / 02 / 001136 / 07**

**Nama Bank : Maybank, Phnom Penh Branch,  
No 3, Street 114, (Kramoun Sar),  
Phnom Penh, Cambodia,  
P.O Box 9.**

**E-mel maklumat sumbangan kepada :**

**[mufti\\_of\\_cambodia@cttnet.com.kh](mailto:mufti_of_cambodia@cttnet.com.kh)**

# Urus Setia Program Korban & Aqiqah Di Kemboja 1424H



Dari kiri ke kanan: 1.Haji Zakaryya Adam, Ketua Urus Setia di Kemboja dan Timbalan SU Negara Kementerian Agama, 2.Haji Hashim Yunus, Imam daerah Kg Chhnang, 3.YB Okhna Othsmn Hassan,Presiden Yayasan Pembangunan Umat Islam Kemboja & Penasihat Perdana Menteri 4.Haji Yusof Said, Ahli Majlis Pimpinan Tertinggi Agama Islam Kemboja 5. Sohibus Samahah Okhna Haji Kamaruddin Yusof, Mufti Kerajaan Kemboja 6. Haji Che Mazlan Saad, Pengerusi Program 7.Haji Sabri Kassim, Imam Masjid Jumniek, Kg Cham.



Dari kiri ke kanan: 1.Mohd Nazri Nadzir, 2.Mohd Azamuddin Arshad, 3.Ustaz Jalaluddin Hassanuddin 4.NorAzlin Ngah 5.Ustaz Azhar Dato' Abd Shukur 6.Mohd Rohaizal Hamid 7.Zamzurilariha Mat Arifin 8.Salmi Norabi Joned 9.Ustazah Norwariza Mohd Hed 10.Siti Faizura Abd Rahman 11.Fadilah Zakaria 12.Haji Che Mazlan Saad 13.Zulhalimi Anuar Muhammad. (Jamuan Hari Raya Puasa untuk meraikan ziarah Mufti Kemboja Ke Malaysia)

## Pengerusi

Haji Che Mazlan Saad  
**Ketua Urus Setia di Malaysia**  
 Ustaz Jalaluddin Hassanuddin  
**Urus Setia di Malaysia**  
 Mohd Azamuddin Arshad  
 Habib Benhadria  
 Zulhalimi Anuar  
 Zairani A. Hamid  
 Salmi Norabi Joned  
 Norwariza Mohd Hed  
 Zamzurilariha Mat Arifin  
 Mohd Nazri Nadzir

## Hamiza Azahari

Fadilah Zakaria  
 Siti Faizura Abd. Rahman  
 Mohd Rohaizal Hamid  
 Nurazlin Ngah  
**Ketua Urus Setia di Kemboja**  
 Haji Zakaryya Adam  
 Timbalan SU Negara Kem.  
 Agama  
**Staf Al-Ameen Di Phnom Penh**  
 Ustaz Azhar Bin Dato' Ab. Shukur  
**Ketua Keselamatan**  
 Haji Sabri Kassim Imam Masjid

## Wakil Urusan diKg. Chnang

Haji Hashim Yunus Imam Daerah  
**Wakil Urusan di Phnom Penh, Kandal**  
 Ustaz Yusof Yahya Pembantu Khas Mufti  
 Ustaz Abdul Wahid Abdullah Guru Agama  
**Wakil Urusan di Kompong Cham**  
 Haji Sabri Kassim Imam Masjid Jumniek  
 Ustaz Zahari Mohd. Daud Guru Agama  
**Wakil Urusan di Kerachih**  
 Tuan Yusof Said Ahli Majlis Pimpinan  
**Wakil Urusan di Pursat, Battambang & Bodeay Mean Chey**  
 Haji Musa Sulaiman Ahli Majlis Syura

## Wakil Urusan di Kampot & Kompong Som, Koh Kong

Ustaz Zuhri Ahli Majlis Syura  
**Wakil Urusan di Kompong Thom**  
 Haji Zuhdi Yusof Ahli Majlis Syura  
**Wakil Urusan di Siemreap**  
 Ustaz Musa Salleh Ahli Majlis Syura  
**Wakil Urusan di Rattanakiri, Mondul Kiri**  
 Ustaz Syukri Kassim Guru Agama

## SUMBANGAN BERTERUSAN

Al-Ameen Serve Holdings Sdn. Bhd. akan memperuntukkan 10% daripada yuran penyertaan (selepas kos promosi dan pengurusan) untuk perkembangan syiar Islam di Kemboja.

Juga diperuntukkan 5% daripada yuran penyertaan seperti di atas untuk:

- Berbuka Puasa Ramadhan  
Bagi penyertaan yang diterima antara 15 Zulhijjah hingga 20 Ramadhan pada tahun yang berkenaan.
- Pembiayaan Yayasan Pembangunan Umat Islam Kemboja bagi penyertaan yang diterima antara 21 Ramadhan hingga 15 Zulhijjah pada tahun yang berkenaan.

## MUDAH ♦ MURAH ♦ DIYAKINI

- ♦ Memudahkan peserta menunaikan tuntutan agama.
- ♦ Program Korban & Aqiqah di Kemboja yang telah masuk tahun yang ke 11.
- ♦ Korban dan Aqiqah dilaksanakan di tempat yang ramai umat Islam miskin.
- ♦ Harga yang murah, RM195 untuk satu bahagian lembu bagi ibadah korban dan RM230 untuk satu bahagian lembu bagi ibadah aqiqah telahpun mengambilkira harga lembu, pembiayaan jaman aqiqah serta kos dan ganjaran pengurusan.
- ♦ Agihan daging korban dikawal selia oleh imam-imam masjid ataupun wakil urusan yang dilantik oleh Mufti Kemboja
- ♦ Jaman aqiqah diadakan bersempena kenduri kahwin bagi pasangan miskin, murid-murid sekolah, program masjid atau program kemasyarakatan umat Islam di Kemboja.
- ♦ Mendapat kerjasama dan sokongan Mufti Kerajaan Kemboja serta Yayasan Pembangunan Umat Islam Kemboja.
- ♦ Sijil penyertaan yang disahkan oleh Pengerusi Program dan Mufti Kerajaan Kemboja.



## MAKLUMAN PENYERTAAN KORBAN & AQIQAH

- Sijil Pengesahan Pelaksanaan Korban di Kemboja yang disahkan oleh Mufti Kerajaan Kemboja akan dihantar kepada peserta dalam tempoh 1 bulan selepas Hari Raya Eidul Adha.
- Sijil Pengesahan Pelaksanaan Aqiqah di Kemboja yang disahkan oleh Mufti Kerajaan Kemboja akan dihantar kepada peserta dalam tempoh 2 bulan daripada tarikh penerimaan penyertaan.
- Peserta boleh melihat dokumen asal serta gambar-gambar Program Korban & Aqiqah di Kemboja di alamat Al-Ameen Serve Holdings Sdn. Bhd. dari Isnin hingga Jumaat jam 9.00 pagi hingga 6.00 petang.
- Peserta boleh membatalkan penyertaan dengan memberi notis bertulis dan dihantar serta sampai ke urus setia dalam tempoh 14 hari daripada tarikh tandatangan borang penyertaan.

## SEKILAS PANDANG

"Saya doakan usaha ini semuanya diredhai Allah dan akan membuahkan hasil. Saya sedih melihat keadaan masyarakat Islam di Kemboja".

**Mohammad Khir Abd. Jalil**

*Peserta Program Korban & Aqiqah & Peserta Program Lawatan ke Kemboja 2004*



"Amat wajar berkorban di Kemboja kerana lebih bermanfaat memandangkan taraf hidup mereka terlalu miskin dan amat memerlukan".

**Hasnon Alang Mohd. Rashid**

*Program Korban & Aqiqah di Kemboja & Peserta Lawatan ke Kemboja 2002*

"Apabila berada di Kemboja barulah kita insaf dan bersyukur betapa bertuahnya kita tinggal di Malaysia dalam suasana aman damai dan makmur - **Puan Salmah Noor**

*Peserta Program Korban & Aqiqah sejak 1998 & Peserta Program Lawatan ke Kemboja 1999*



## Korban, akikah

Umat Islam Kemboja Menanti - *tajuk ruangan agama Utusan Malaysia* 26 Disember 2003

"Program ini dapat menghidupkan satu syiar yang dituntut oleh Islam disamping mengembalikan semula identiti umat Islam" - *Sedutan wawancara Radio IKIM.fm* 16 Januari 2004 dengan Hj Che Mazlan Saad, Pengerusi Program

# Korban Eidul Adha & Aqiqah Di Kemboja



(Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang)

Nama : .....

Alamat : .....

.....

.....

Poskod

No K/P : .....

Telefon : .....

Saya seperti nama dan alamat di atas mewakili dan melaksanakan :  Korban  Aqiqah kepada Pengerusi Program Korban Eidul Adha & Aqiqah di Kemboja 1425H sebanyak :  Bahagian lembu atas nama-nama berikut.

Bil	Nama	Bil. Bhg
1		
2		
3		
4		
5		
6		
7		
Jumlah		RM
Jumlah		Bahagian

1 Bhg Lembu Korban : RM 195  
1 Bhg Lembu Aqiqah : RM 230 (termasuk jamuan aqiqah)

## F adhilat Korban

Rasulullah s.a.w telah bersabda:  
"Muliakanlah korban-korbanmu kerana nanti ia menjadi kenderaan kamu ketika melalui titian Siratal Mustaqim"  
Maksud Hadis  
Juga sabda Rasulullah s.a.w:  
"Bukankah korban itu termasuk ibadah yang menyelamatkan orang yakni menyelamatkan orang yang empunyaanya daripada kejahatan dunia dan akhirat"  
Maksud Hadis

## F adhilat Aqiqah

"Tiap-tiap anak itu tertebus (tertebus dari kemudaratkan dan kemungkaran) dengan aqiqahnya yang disembelih untuk dia ketika hari ketujuh dan dicukur, lalu diberi nama".  
Maksud Hadis  
"Barangsiapa yang dikurnia seorang anak, lalu ia menyukai untuk mengaqiqahkannya, maka hendaklah ia melakukannya"  
maksud hadis

### PEMBAYARAN YURAN PENYERTAAN

Bersama ini disertakan Tunai / Kiriman Wang / Wang Pos / Cek no. : ..... bernilai RM ..... atas nama Al-Ameen Serve Holdings Sdn. Bhd.

Bersama ini disertakan salinan Slip Bank pembayaran yang telah dibuat melalui akaun Al-Ameen Serve Holdings Sdn. Bhd.

**BIMB (Jln Tun Razak KL)**  
No. Akaun : **14032010015955**  
**MAYBANK (Tmn Setiawangsa KL)**  
No. Akaun : **562188100158**

Sila tuntutan bayaran daripada kad kredit saya:  
 VISA  MASTERCARD  
Nombor Kad Kredit

Tarikh Luput Kad : .....  
Tarikh : .....

.....  
Tandatangan

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT	
Tarikh Terima	
No. Resit	
No. Sijil	
Tarikh Hantar	